

Malaysia gesa perkukuh reformasi ekonomi global

BERITA HARIAN

8 JUL 2025

m/4:3

Anwar seru dunia tidak lagi dibelenggu pertembungan blok, perpecahan geopolitik

Daripada Halim Mohamed
bhnews@bh.com.my
di Rio De Janeiro



Anwar ketika Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS ke-17 di Rio De Janeiro, semalam.

(Foto BERNAMA)

Malaysia menyatakan pendirian tegas terhadap keperluan memperkukuh multilateralisme, reformasi sistem ekonomi global serta tadbir urus kecerdasan buatan (AI) yang beretika pada hari pertama Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS ke-17 yang berlangsung di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sesi intervensi bersama pemimpin-pemimpin BRICS, menggesa agar dunia tidak lagi dibelenggu pertembungan blok dan perpecahan geopolitik.

Sebaliknya digerakkan oleh semangat kerjasama, perkongsian kemakmuran dan komitmen bersama terhadap masa depan digital yang adil, selamat dan inklusif.

“Malaysia memandang serius senario *geopolitics of tech* – per-

kembangan teknologi yang didorong kepentingan geopolitik – yang boleh menggugat kestabilan dan menjejaskan inovasi,” tegas beliau.

Tambah beliau, multilateralisme kini bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan mendesak bagi menjamin kestabilan global, keadilan ekonomi dan kedaulatan negara membangun yang sering dipinggirkan dalam arus perubahan geopolitik dan teknologi.

Dalam menyatakan pendekatan Malaysia, beliau menjelaskan bahawa negara memilih jalan kerjasama berprinsip berlandaskan prinsip keadilan, keterangkuman dan kedaulatan sejagat, bukan konfrontasi.

Sebagai Pengerusi ASEAN,

Malaysia juga memperjuangkan agenda yang selari dengan aspirasi BRICS, termasuk menuntut reformasi sistem perdagangan global ke arah lebih adil dan berpaksikan pembangunan.

Tumpu kesejahteraan sejagat
Malaysia turut menyambut baik penekanan BRICS terhadap keperluan tadbir urus AI yang berasaskan nilai etika dan kesejahteraan sejagat.

Dalam hal ini, Malaysia telah melancarkan Pelan Hala Tuju AI Negara serta Garis Panduan Tadbir Urus AI dan kini memimpin usaha penubuhan Jaringan ASEAN AI bagi memperkukuh keupayaan serta menetapkan piawaian serantau.

“Malaysia bersedia bekerjasama rapat dengan BRICS dan rakan global dalam membentuk sistem ekonomi yang lebih saksama, persekitaran digital yang selamat dan multilateralisme yang benar-benar berfungsi demi masa depan bersama manusia sejagat,” katanya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri turut menyentuh isu kemanusiaan global, khususnya di Gaza dan Iran.

“Malaysia menggesa dunia agar tidak terus membisu terhadap jenayah kemanusiaan di Gaza dan kekejaman terhadap rakyat Iran. BRICS mesti bangkit sebagai suara keadilan sejagat, menolak penindasan dan menjunjung maruah insan,” tegas beliau lagi.